



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PBT DIGESA LIPAT GANDA SELENGGARA PARIT DAN PEMBERSIHAN UNTUK  
MENEBAK BANJIR KILAT KETIKA MONSUN TIMUR LAUT**



**Pada 19 Disember 2022** – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara hari ini untuk melipat gandakan usaha menyelenggara sistem perparitan bagi menebat banjir kilat ketika Monsun Timur Laut (MTL) melanda.

Menteri KPKT YB Tuan Nga Kor Ming (KM) berkata, "Demi kesejahteraan rakyat, tindakan proaktif ini dapat mengurangkan risiko banjir dengan lebih berkesan."

"Semua PBT digesa untuk memastikan anggota, fasiliti, peralatan dan jentera mereka sentiasa siap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan banjir."

"Saya juga menggesa PBT memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, sistem pembedungan dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan di bawah kawalan masing-masing, " kata YB KM lagi.

Mengikut Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), luruan kedua Monsun Timur Laut yang dijangka berlaku hingga 21 Disember 2022 ini akan memberi impak di kawasan berisiko tinggi termasuk banjir kilat di bandar-bandar.

Sehubungan itu, pihak PBT telah diminta supaya mempergiat pelaksanaan tindakan proaktif untuk mengurangkan risiko banjir kilat semasa MTL.

Selain mengenal pasti kawasan parit, longkang, pembedung dan kolam takungan yang berisiko menyebabkan kejadian banjir, PBT turut diminta melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti membuang kotoran atau longgokan sampah dalam parit serta memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air.

PBT juga disyorkan untuk memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembedung yang rosak atau menaiktaraf parit yang berisipadu rendah.

MET Malaysia sebelum ini telah mengeluarkan kenyataan bahawa MTL atau musim tengkujuh di Malaysia bermula lebih awal daripada yang dijangka iaitu pada 7 November 2022 dan berterusan sehingga Mac 2023.

Dalam kenyataan terkini pada 18 Disember 2022, MET Malaysia juga telah mengeluarkan amaran hujan berterusan sehingga 21 Disember 2022 melibatkan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang.